

32 pasukan B-18 Selangor rebut Piala Mokhtar

Subang Jaya: Kejohanan bola sepak Piala Datuk Mokhtar Dahari edisi keempat yang membuka tirai, semalam menyaksikan penyertaan 576 pemain bawah 18 tahun (B-18) mewakili 32 pasukan daripada sembilan daerah seluruh Selangor.

Pengerusi kejohanan, Datuk Emran Kadir berkata, matlamat utama saingan itu adalah untuk mengenal pasti dan mencungkil bakat baharu pemain bola sepak remaja agar dapat diketengahkan sebagai pemain skuad negeri.

Piala Sumbangsih

“Menerusi kejohanan tahun lalu, seramai 43 pemain sudah diikat oleh beberapa pasukan bawah 19 tahun negeri dan kelab antaranya Selangor, PKNS FC, Johor Darul Ta’zim (JDT), Kuala Lumpur, Perak, Melaka dan juga Negeri Sembilan,” kata Emran.

Kejohanan bagi edisi kali ini

masih mengekalkan pembabitatan sekolah-sekolah dari 10 pejabat pendidikan daerah seluruh Selangor yang terpilih melalui Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD).

Bagi pembuka tirai bagi merebut Piala Sumbangsih, semalam juara bertahan SMK Tinggi Kajang berjaya menewaskan pasukan tuan rumah, SMK Sri Permata dengan keputusan 1-0.

Gol tunggal perlawanan dijanginkan oleh Muhd Asyraf Ahmad Kamal hasil tandukan pada minit ke-23 separuh masa pertama permainan.

Majlis perasmian, semalam disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, Shashim Shah Harun disaksikan Emran dan Ahli Lembaga Pengarah, **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor)**, Mustaffa Kamil Ayub.



SMK Tinggi Kajang muncul juara Piala Sumbangsih 2017.